



Edisi Pertama 2012

Bilangan 07

www.maiamp.gov.my

MAIPK

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

HIWAR ISLAM di Radio Perak FM

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
Bil.1/2012

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Perhimpunan Bulanan MAIPK

Program Ride Imarah Masjid 2012

PROGRAM Ride IMAH MASJID 2012

Tarikh : 19 Februari 2012 (AHAD)

MASJID BEMBAN - MASJID TRONOH - MASJID CHANGKAT TIN

Anjuran : MAIPK BATU GAJAH, PERAK

Kerjasama : MASJID-MASJID DAERAH BATU GAJAH, PERAK
DAN E-TIRAF BIKERS

Ikut, Ramey Sayang Masjid!!!

SIDANG REDAKSI

Penasihat

Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin b. Syed Ikhsan

Ketua Editor

En. Wan Abdul Halim Hafidz b. Mohd Amin

Editor

Cik Fatin Amira bt. Azman

Editor Bersekutu

Bahagian Zakat

Bahagian Hartanah

Bahagian Khidmat Pengurusan

Bahagian Kewangan

Jurufoto

En. Aizat b. Sabri

En. Mohd Sharizal b. Mat Sah

Edaran

Unit Perhubungan Korporat

Diterbitkan oleh

Unit Perhubungan Korporat

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan

30000 Ipoh, Perak.

Tel: 05-208 4000 Faks: 05-241 4257

Laman web

www.maiamp.gov.my

Emel

korporat@maiamp.gov.my

© Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Wadah MAIPK. Sidang Editor mengalu-alukan sebarang artikel dan penulisan yang bermanfaat. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya.

KANDUNGAN

Sudut Editor **2** • Semasa **3**

Mutiara Perdana **4**

Semasa **5** & **6** & **7**

Berita Sana Sini **8** & **9**

Semasa **10** & **11**

Info Hartanah **12**

Info Taksiran **13** • Semasa **14**

Info Agama **15** • Info Majlis **16**

Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum wbt.
dan salam sejahtera

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya untuk Allah SWT. Salam dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW., penghulu segala nabi, keluarga baginda, para sahabat serta seluruh muslimin dan muslimat yang telah pergi dan yang masih hidup. Alhamdulillah, Wadah MAIPK bagi suku pertama tahun 2012 dapat diterbitkan untuk tatapan masyarakat Islam di Negeri Perak. Pelbagai berita dan isu semasa dipaparkan untuk pengetahuan para pembaca.

Untuk terbitan Wadah MAIPK kali ini, Sidang Editor memberikan fokus terhadap beberapa usaha transformasi yang dilakukan oleh Pengurusan MAIPK. Pada tahun 2011, Pengurusan MAIPK menumpukan perhatian terhadap transformasi sistem teknologi maklumat dengan kewujudan sistem e-Syura. Pada permulaan tahun 2012, Pengurusan MAIPK mula melakukan perubahan struktur organisasi setelah beberapa kajian dan bengkel dilakukan sebelum ini. Perubahan struktur organisasi dilaksanakan bagi memperkemas dan memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan MAIPK. Perubahan yang dilakukan ini juga dapat meningkatkan usaha dan tindakan MAIPK bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

Adalah diharapkan agar usaha-usaha transformasi yang dilakukan oleh MAIPK mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah SWT. Terima kasih kepada pembayar-pembayar zakat kerana MAIPK pada tahun 2011 berjaya mengutip sebanyak RM87.4 juta. Semakin tinggi pungutan zakat, semakin ramai asnaf mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

WAN ABDUL HALIM HAFIDZ BIN MOHD AMIN


PERSIDANGAN MAIPk KALI KE-178

Maqasid Agihan Zakat

terkandung dalam pelbagai hadis, Baginda menyemaikan semangat untuk umat bekerja, mendapatkan harta, kemudiannya berbuat amal, menunaikan zakat dan melakukan sedekah dengan harta kekayaan yang telah dianugerahi ILAHI melalui usaha dan kerja." Titah Baginda semasa Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu kali ke-178 di Dewan Persidangan, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 30 Januari 2012.

Sehubungan itu, Baginda bertitah supaya bagi mencapai maqasid agihan zakat, kejayaan pemerintahan Saidina Umar bin Abdul Aziz dijadikan rujukan terutama kepada kelompok yang diamanahkan kuasa. Faktor agihan kekayaan perlu dijadikan salah satu kriteria penentu negara maju. Pemimpin yang menghayati syariat Islam tidak akan membelanjakan wang negara secara muncah, tidak akan bermewah-mewah dan tidak sama sekali akan membenarkan berlakunya pembaziran, apatah lagi dalam suasana masih terdapat orang miskin di kalangan warga di negaranya.

"Bantuan zakat pada umumnya adalah satu usaha pemangkin, laksana supplement untuk memberikan suntikan kekuatan kepada tubuh insan lemah yang perlu dibantu. Bantuan zakat kepada mana-mana pihak bukanlah untuk selama-lamanya, melainkan di kalangan penerima yang sudah terlalu daif dan uzur kerana usia atau menghadapi penyakit yang sukar sembuh. Matlamat bantuan zakat adalah untuk membina upaya memerdekakan insan hingga pada akhirnya mereka berupaya berdikari. Program zakat yang berjaya, adalah program yang pada akhirnya dapat mengurangkan bilangan ummah yang terpaksa bergantung kepada bantuan zakat. Program zakat yang berjaya akan dapat melahirkan lebih ramai ummah yang berupaya menunaikan ibadah zakat, yang merupakan salah satu dari Rukun Islam. Kerana itu Rasulullah Sallallahu 'Alahi Wassalam tidak menganjurkan membina tabiat insan yang sepanjang hayat terpaksa bergantung kepada bantuan kebajikan dari orang lain. Malah



Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah bahawa, zakat merupakan satu daripada komponen yang terkandung dalam syariat Islam. Keupayaan zakat memenuhi peranan lebih berkesan dalam menangani isu kemiskinan sukar dicapai sepenuhnya jika zakat berfungsi secara isolasi. Oleh itu, zakat berpotensi memberi impak lebih besar jika syariat Islam berjaya dijana secara lebih menyeluruh dan lebih bersungguh.

PERSIDANGAN MAIPk KALI KE-179

Bencana Alam Kewajipan Bermuhasabah

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah bahawa, tema yang telah disampaikan pada khutbah Jumaat pada 20 April lalu sempena sambutan Hari Bumi yang bertemakan "Bencana Alam Kewajipan Bermuhasabah" amatlah bertepatan dan selaras dengan peringatan yang pernah dizahirkan oleh Baginda berkenaan dengan ancaman yang sedang dihadapi oleh umat manusia di seluruh dunia akibat dari berlakunya pelbagai bencana alam.

"Beta sering kali mengingatkan Kerajaan Paduka Seri Ayahanda Beta memberikan perhatian serius dan mengadakan pelan tindakan bersungguh untuk membantu usaha memulihara alam sekitar. Masyarakat hendaklah dididik tentang amalan

terbaik cara pembuangan sisa dan sampah terutama oleh pihak industri. Kempen meminimumkan penggunaan plastik dan kempen menyedarkan masyarakat supaya tidak membuang sampah ke longkang, ke sungai dan ke laut masih belum melihatkan impak."

"Pihak Berkuasa Tempatan, Masjid, Surau, Sekolah dan semua pejabat kerajaan hendaklah digalakkan dan diberikan insentif untuk menanam pokok dan menghijaukan bumi. Dalam meluluskan pelan pembangunan kawasan perumahan dan komersial, elemen kepadatan penduduk hendaklah diberikan perhatian serius dan nisbah kawasan lapang yang seimbang dengan kepadatan penduduk hendaklah diwajibkan. Kurang ketegasan dalam

menentukan kepadatan penduduk kerana kepentingan pemaju untuk mengaut keuntungan adalah antara penyebab yang boleh mencetuskan kesesakan lalu lintas dan berlakunya banjir kilat." Titah Baginda semasa Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu kali ke-179 di Dewan Persidangan, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 26 April 2012.

Lantaran itu, Baginda menyarankan supaya agenda menghijaukan bumi hendaklah dijadikan agenda tetap Jawatankuasa Pembangunan Negeri dan bukan agenda secara kosmetik. Bumi dan alam ini telah banyak berbakti kepada kehidupan manusia. Rakyat negeri Perak hendaklah berbudi kepada alam dan bumi demi kelestarian hidup ummah terutama untuk generasi masa hadapan.



PETIKAN TITAH

DULI YANG TERAMAT MULIA

RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN,

YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM

DAN 'ADAT MELAYU PERAK

SEMPENA PERSIDANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM

DAN 'ADAT MELAYU PERAK PADA TAHUN 2005

KESEDARAN BERZAKAT

“Beta dimaklumkan bahawa usaha kesedaran berzakat terus digiatkan. Antara langkah yang dilaksanakan termasuk menggalakkan seluruh pegawai dan kakitangan yang bernaung di bawah Institusi Agama iaitu Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Kehakiman Syariah dan Jabatan Mufti untuk membuat potongan zakat pendapatan dari gaji bulanan mereka. Langkah ini amat bertepatan kerana Institusi Agama ini perlu menjadi contoh kepada Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Beta berpandangan adalah wajar untuk ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan disusuli oleh Orang Besar – Orang Besar Negeri serta ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri tampil ke hadapan untuk menyokong langkah ini dan memberikan contoh teladan kepada umat Islam di negeri ini.”

(Persidangan Majlis kali ke-150)

IMARAHKAN MASJID

“Beta membangkitkan kepada mesyuarat-mesyuarat Majlis yang lalu dan dalam beberapa siri titah yang Beta lafazkan, dimana Beta menekankan hasrat untuk masjid berperanan lebih aktif, lebih dinamik dan lebih bermakna terutama dalam memenuhi tanggungjawab untuk membina modal ilmu dan modal budaya insan. Pandangan dan hasrat tersebut sebagai satu ‘idea’ telah mendapat sokongan dan sambutan manggalakkan melalui penulisan yang disiarkan di media cetak dan ulasan yang disuarakan melalui media elektronik. Beta menegaskan sekali lagi akan pentingnya jabatan menyusul dengan satu program kerja yang komprehensif lagi bersungguh, bermula dengan beberapa masjid terpilih dan kemudiannya dikembangkan.”

“Beta dengan ini menyarankan satu program pembangunan insan secara menyeluruh untuk Masjid Ubudiah di Kuala Kangsar hendaklah dirangka oleh satu pasukan petugas dan dibentangkan di Mesyuarat Majlis akan datang, yang Beta cadangkan diadakan di Kuala Kangsar. Program Pembangunan Modal Insan dan Modal Budaya di Bandar Di Raja Kuala Kangsar yang berpusat di Bandar Di Raja Kuala Kangsar yang berpusat di Masjid Ubudiah bolehlah dirangkaikan dengan Madrasah Idrisiah dan Maktab Melayu Kuala Kangsar. Pegawai dan agensi kerajaan lain terutama dari Jabatan Pelajaran dan Jabatan Belia serta badan-badan bukan kerajaan hendaklah dibawa bersama dalam merangka satu program menyeluruh lagi dinamik untuk mengimarah masjid.”

(Persidangan Majlis kali ke-151)

KEPENTINGAN KEKUATAN AKIDAH

“Kisah kewujudan kerajaan langit yang dianjurkan oleh ‘Ayah Pin’ adalah satu contoh ajaran sesat. Bagaimana umat Islam, termasuk sebahagiannya dari kalangan terpelajar, boleh terpengaruh. Ini memperlihatkan bahawa meskipun terdapat usaha-usaha tersusun menyampaikan ajaran Islam, bermula dari keluarga, di sekolah dan melalui institusi masyarakat, masih ada fikiran umat yang begitu mudah dipesongkan. Dinding pertahanan akidah sebahagian umat Islam ketara rapuh; begitu mudah diruntuhkan melalui ajaran yang disampaikan oleh seorang individu yang tidak pun memiliki organisasi yang hebat. Keadaan ini harus dijadikan loceng amaran kepada umat Islam, kepada keluarga Islam dan kepada Institusi Islam. Bayangkan betapa akidah lebih ramai umat Islam dapat digoyangkan, jika umat Islam diberikan kebenaran didampingi secara terbuka oleh organisasi agama yang lebih tersusun dan lebih teratur. Bayangkan ancaman akidah yang demikian terdedah, sekiranya umat Islam tidak dilindungi secara perlembagaan, dari pengaruh ajaran-ajaran agama lain.”

“Umat Islam perlu dibina kekuatan akidahnya. Untuk maju, umat Islam perlu diperkaya dengan modal budaya, melalui program pembangunan insan, program pendidikan dan program penguasaan ekonomi secara berkesan. Majlis hendaklah memberikan fokus, menggariskan program berkesan dengan pemantauan rapi terhadap program pembangunan insan, program pendidikan dan program pembangunan ekonomi umat Islam.”

(Persidangan MAIPk kali ke-152)

MEMBENTERAS KEGANASAN

“Amatlah tidak produktif apabila perjuangan berlandaskan Islam yang begitu luas dan murni kini bagaikan dicolek oleh kumpulan-kumpulan berfikiran sempit dan cetek. Akibatnya, seluruh umat Islam menanggung kerugian dan perlu membayar dengan kos yang tinggi. Keadaan ini merupakan cabaran paling besar bagi umat Islam di era ini. Umat Islam sendiri hendaklah mengambil tanggungjawab menentang kumpulan pelampau dan ekstremis ini. Kumpulan pelampau dan ekstremis tidak harus sama sekali diberikan perlindungan. Kumpulan pelampau dan ekstremis adalah juga musuh kepada umat Islam dan kemanusiaan sejagat. Mereka adalah pengganas. Membiarkan mereka bergerak bebas dan menyokong kepada keganasan. Kumpulan pengganas boleh memesongkan perjuangan Islam yang murni dan suci.”

“Untuk itu, Beta menyeru supaya para ulama khususnya, memainkan peranan lebih penting lagi aktif, untuk tampil ke hadapan dengan tegas, jelas dan terbuka menentang keganasan. Anak-anak muda terutamanya, perlu dilindungi daripada terpengaruh dan dijadikan instrumen oleh kumpulan pengganas hingga sanggup melakukan perbuatan yang merugikan diri sendiri, anggota keluarga dan negara. Anak-anak muda khususnya perlu diberikan peringatan secara berterusan bahawa perbuatan ganas, membunuh dan memusnahkan harta benda adalah amat bertentangan dengan ajaran Islam.”

(Persidangan MAIPk kali ke-153)

I

Ipoh – DYMM. Sultan Perak telah berkenan untuk melantik DYTm. Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (Majlis) dan 21 Ahli Majlis bagi tempoh tiga tahun mulai tahun 2012 mengikut peruntukan subseksyen 11(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Pelantikan Yang Dipertua dan Ahli Majlis sebelum ini berakhir pada 31 Disember 2011.

Satu majlis penyerahan watakah pelantikan Ahli Majlis yang baru telah diadakan pada 30 Januari 2012 di Auditorium Kompleks Islam Darul Ridzuan. DYTm. Raja Muda Perak berkenan mencemar duli bagi menyampaikan watakah pelantikan tersebut kepada Ahli-Ahli Majlis bersempena dengan Persidangan Majlis kali ke 178.

Turut berangkat hadir ke majlis ini ialah YAB. Menteri Besar Perak, Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd. Kadir, YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato’ Abdul Puhat bin Mat Nayan dan Mufti Negeri Perak, YABhg. Sahibus Samahah Tan Sri Dato’ Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria.

Berikut merupakan senarai nama Ahli-Ahli Majlis yang baru dilantik :

YANG DIPERTUA

Duli Yang Teramat Mulia
Raja Muda Perak Darul Ridzuan
Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah

AHLI

YAB. Dato’ Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd. Kadir
Menteri Besar Perak
YB. Dato’ Abdul Puhat Bin Mat Nayan
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
YB. Dato’ Ahmad Kamal bin Md. Shahid
Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
YB. Dato’ Haji Mohd. Gazali bin Jalal
Pegawai Kewangan Negeri Perak
YBhg. Tan Sri Dato’ Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak
YAA. Dato’ Haji Muhammad Asri Bin Haji Abdullah
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
YBhg. Dato’ Haji Mohd. Yusop bin Haji Husin
Pengaruh Jabatan Agama Islam Perak
YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato’ Seri Wan Mohd Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain
Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar
YABhg. Dato’ Seri Mohd. Annuar bin Zaini
Ahli Dewan Negara Perak
YBhg. Dato’ Haji Md Salleh Bin Haji Md @ Haji Ahmad
Ahli Jawatankuasa Fatwa



GAMBAR ATAS :
ORANG BESAR JAJAHAN HULU PERAK
MENERIMA WATAKAH PELANTIKAN DARIPADA
DYTM. RAJA MUDA PERAK

GAMBAR BAWAH :
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI PERAK
MENERIMA WATAKAH PELANTIKAN DARIPADA
DYTM. RAJA MUDA PERAK



Pelantikan

AHLI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ‘ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

YBhg. Dato’ Mohamah Nor bin Mansor
Ahli Jawatankuasa Fatwa
YBhg. Tuan Haji As’ad bin Awang
Ahli Jawatankuasa Fatwa
YBhg. Dato’ Haji Muhammad Rivai Batubara
Ahli Jawatankuasa Fatwa
YBhg. Profesor Dato’ Dr. Ansary bin Ahmed
Presiden / Ketua Eksekutif Asia e University
YABhg. Tan Sri Dato’ Dr. Wan Mohd Zahid bin Wan Noordin
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Mara
YBhg. Dato’ Dr. Syed Jaafar Bin Syed Aznan Jamalullail
Pengerusi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak
YBhg. Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan Dato’ Dr. Muhammad Afifi al-Akiti
Felo Pusat Pengajian Islam
Oxford Centre for Islamic Studies, United Kingdom
YBhg. DCP Dato’ Mohd. Shukri bin Dahlan
Ketua Polis Negeri Perak
YDH. Toh Seri Bijaya Lt. Kol. (B) Shahrudin bin Haji Nazari
Orang Besar Jajahan Hulu Perak
YBhg. Dato’ Haji Abd Malek bin Awang Kechil
Ketua Pengarah
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
YBhg. Profesor Dr. Haji Jamil bin Hashim
Rektor Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah



Majlis Penyerahan

Cek Zakat Tanaman dan Perniagaan Tahun 2012

Kuala Lumpur – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menganjurkan satu Majlis Penyerahan Cek Zakat Tanaman dan Perniagaan bertempat di Istana Perak, Changkat Persekutuan, Kuala Lumpur pada 16 April 2012 (Isnin) bersamaan dengan 24 Jamadilawal 1433H yang lalu. Pada majlis tersebut, lapan buah agensi menyerahkan zakat dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM8,346,794.69. Syarikat-syarikat yang membayar zakat pada majlis tersebut ialah Lembaga Tabung Haji berjumlah RM2,786,054.20, Bank Kerjasama Rakyat Cawangan Negeri Perak berjumlah RM2,046,768.00, Felcra Berhad Wilayah Perak berjumlah RM937,690.77, GPB. Corporation Sdn. Bhd. berjumlah RM788,000.00, Edaran Otomobil Nasional Berhad berjumlah RM658,992.00, Pertubuhan Peladang Negeri Perak berjumlah RM605,957.00, Etiqa Takaful Berhad Cawangan Negeri Perak berjumlah RM323,332.72 dan Produktif Kualiti And Medical Supply Sdn. Bhd. berjumlah RM200,000.00.

DYTM. Raja Muda Perak berkenan untuk menyempurnakan majlis tersebut. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YAB. Menteri Besar Perak, Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd. Kadir, YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato’ Abdul Puhat bin Mat Nayan, YABhg. SS. Mufti Negeri Perak, Tan Sri Dato’ Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria, YAA. Ketua Hakim Syarie Negeri Perak, Dato’ Muhamad Asri bin Haji Abdullah, YABhg. Dato’ Seri Mohd. Annuar bin Zaini dan YBhg. Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan, Dato’ Dr. Muhammad Afifi Al-Akiti.

RANCANGAN HIWAR ISLAM di Radio Perak FM



Ipoh – “Hiwar” adalah perkataan Bahasa Arab yang berasal daripada hawara, yuhawiru yang bermaksud dialog, perbualan atau diskusi. Ia memerlukan sekurang-kurangnya dua orang atau lebih untuk membantu menyampaikan maksud dan tujuan suatu perbualan. Rancangan Hiwar Islam yang dianjurkan oleh Majlis Agama Melayu Perak (MAIPk) dengan kerjasama Radio dalam bentuk medan pertemuan pelbagai pihak bagi membincangkan mengenai hukum-hukum dan pentadbiran Islam terutama perkara-perkara yang berkaitan dengan zakat, baitulmal, wakaf, masjid, dakwah, penguatkuasaan agama dan sebagainya. Program ini bersiaran selama sejam di Radio Perak FM pada setiap hari Rabu, bermula jam 2.00 petang.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memaksimumkan penggunaan media elektronik untuk meningkatkan ilmu dan kesedaran umat Islam di Negeri Perak. Program ini juga dapat memperkemas sistem penyampaian kerajaan oleh institusi-institusi agama di Negeri Perak khususnya MAIPk ke arah lebih berkualiti, cekap dan berkesan apabila umat Islam di Negeri Perak memberi maklum balas terhadap maklumat yang disampaikan. Di samping itu, tindakan yang lebih cekap dan berkesan dapat dirangka dan dilaksanakan setelah permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam di Negeri Perak dapat diketahui dengan lebih jelas.

Rancangan Hiwar Islam di Radio Perak FM telah bermula pada 28 Februari 2012 dan akan berakhir pada bulan Disember 2012. Program ini dihoskan oleh deejay Radio Perak FM dan dianggotai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Pegawai Agama MAIPk dan ketua-ketua institusi agama Islam yang lain seperti Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, Mufti Negeri Perak dan Ketua Hakim Syarie Negeri Perak.

GAMBAR PALING KIRI :
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK MENYEDIAKAN JAWAPAN UNTUK SOALAN YANG DIAJUKAN OLEH PENDENGAR RADIO PERAK FM

GAMBAR ATAS :
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DAN PEGAWAI AGAMA MAIPK BESERTA DEEJAY MENDENGAR PANDANGAN PENDENGAR RADIO PERAK FM

GAMBAR SEBELAH :
PEGAWAI AGAMA MAIPK MEMBERI PENJELASAN MENGENAI ZAKAT





Program Ride

IMARAH MASJID (RIM 2012)

DAERAH BATU GAJAH



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK MELAKUKAN SIRAMAN POKOK BUNGA SEBAGAI SIMBOLIK PERASMIAN PENUTUP PROGRAM DI MASJID AL-FALAHIAH, KG. CHANGKAT TIN, TG. TUALANG

BATU GAJAH – Pada 19 Februari 2012, MAIPK Batu Gajah dengan kerjasama masjid-masjid Daerah Batu Gajah dan juga kumpulan E-Tiraff Bikers telah menganjurkan Program Ride Imarah Masjid (RIM 2012). Program yang bertemakan "Teman, Mike, Kome Sayang Masjid!!!" itu melibatkan para pekhidmat MAIPK Batu Gajah, para penunggang motosikal berkuasa tinggi daripada kumpulan E-Tiraff Bikers serta masyarakat kampung sekitar kawasan yang terlibat.

Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah ahli-ahli rombongan berkonvoi ke beberapa buah masjid yang terlibat dengan menaiki motosikal berkuasa tinggi. Di samping itu, diadakan juga penyerahan bantuan kepada penerima bantuan Daerah Batu Gajah. Aktiviti menanam pokok di masjid-masjid yang terpilih juga dilaksanakan. Salah satu tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturrahim antara penduduk kampung di samping mempromosi serta memberikan kesedaran berkenaan dengan kepentingan berzakat kepada orang ramai. Selain itu, aktiviti menanam pokok ini adalah usaha selaras dengan saranan DYTM. Raja Muda selaku Yang Dipertua MAIPK agar kawasan masjid mempunyai kawasan persekitaran mesra alam dengan tanaman pokok-pokok. Program yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhsan, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK melibatkan tiga buah masjid iaitu Masjid Bemban, Masjid Tronoh dan Masjid Changkat Tin. Turut serta mengiringi Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK sepanjang program tersebut berlangsung adalah Pegawai Baitulmal Daerah Batu Gajah, Encik Noraizad Rosli.



GAMBAR ATAS : PARA PESERTA RIM 2012 BERGAMBAR DENGAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK SEBELUM MEMULAKAN PERJALANAN

GAMBAR BAWAH KIRI : KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK MENYERAHKAN BANTUAN KEPADA PENERIMA BANTUAN DI PERKARANGAN MASJID IMANIAH, BEMBAN

GAMBAR BULAT : KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK MEMBERIKAN UCAPAN DI MASJID AR-RAHMANIAH, TRONOH

GAMBAR BAWAH KANAN : PARA TETAMU, PENDUDUK KG. CHANGKAT TIN DAN PENERIMA BANTUAN MENGAMBIL TEMPAT SEBELUM PROGRAM PERASMIAN PENUTUP DI PERKARANGAN MASJID AL-FALAHIAH, KG. CHANGKAT TIN, TG. TUALANG.





PARA PESERTA MENDENGAR TEKNIK PEMASARAN ZAKAT SEMASA BENGKEL PEMASARAN ZAKAT YANG DIADAKAN PADA 18 SEHINGGA 20 JANUARI 2012



PENOLONG SETIAUSAHA BAHAGIAN KEWANGAN MEWAKILI MAIPK MENERIMA CENDERAMATA DARIPADA PIHAK UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS SELEPAS MESYUARAT ANTARA KEDUA-DUA PIHAK PADA 15 FEBRUARI 2012



PEGAWAI BAITULMAL DAERAH SLIM RIVER SEDANG MELAYANI PERTANYAAN DARIPADA PELANGGAN MENGENAI ZAKAT DI KAUNTER PELANGGAN MAIPK SEMPERNA PROGRAM KLINIK DR. ZAMBRY DI TG. MALIM PADA 16 FEBRUARI 2012



MAIPK MEMBUKA KAUNTER PELANGGAN DI RURAL TRANSFORMATION CENTRE, GOPENG PADA 18 FEBRUARI 2012



PARA PESERTA SEDANG MENGIKUTI MODUL OLEH PENCERAMAH DALAM BENGKEL APLIKASI PSIKOLOGI KHIDMAT PELANGGAN YANG DIADAKAN PADA 21 SEHINGGA 23 FEBRUARI 2012



BENGKEL PEMURNIAN PERJAWATAN MAIPK DIADAKAN PADA 22 SEHINGGA 23 FEBRUARI 2012



**MAIPK MEMBUKA KAUNTER PELANGGAN
DI POLITEKNIK UNGKU OMAR, IPOH PADA
08 MAC 2012**



**MASYARAKAT SEKITAR PULAU PANGKOR
MENDAPATKAN MAKLUMAT MENGENAI ZAKAT DI
KAUNTER PELANGGAN MAIPK PADA 21 MAC 2012**



**PEGAWAI MAIPK MEMBERIKAN PENERANGAN
ZAKAT KEPADA PELANGGAN YANG DATANG
KE KAUNTER PELANGGAN MAIPK DI UTM
SERI ISKANDAR PADA 24 MAC 2012**



**PARA PESERTA DARIPADA KALANGAN PEGAWAI-PEGAWAI
MAIPK MENGIKUTI BENGKEL FOTOGRAFI YANG DIADAKAN
PADA 26 SEHINGGA 28 MAC 2012**



**PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN BERJUMLAH RM160,977.00 OLEH
TELEKOM MALAYSIA BERHAD CAWANGAN PERAK KEPADA KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK PADA 13 APRIL 2012**



**PELAWAT BERTANYAKAN URUSAN ZAKAT KEPADA
PEGAWAI MAIPK SEMENA KAUNTER PELANGGAN MAIPK
YANG DIBUKA DI KG. SENGGANG, KUALA KANGSAR
PADA 28 APRIL 2012**



ENCIK ANUAR BIN ARIFIN MENERIMA SIJIL PERSERAAN DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



TUAN HAJI SABARUDIN BIN HAJI HARUN DARI TAKAFUL IKHLAS SDN. BHD. MENYAMPAIKAN TAKLIMAT MENGENAI TAKAFUL SIMPANAN HAJI



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIPK SEDANG MENYAMPAIKAN UCAPAN PADA PERHIMPUNAN BULANAN MAIPK BIL. 02/2012



TUAN HAJI AHMAD BIN SALLEH SEDANG MENGUJI SEORANG PEKHIDMAT MAIPK

PERHIMPUNAN BULANAN MAIPK Bil. 01/2012

IpoH – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan Perhimpunan Bulanan Bil. 01/2012 pada hari Selasa, 31hb Januari 2012 di Auditorium, Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Perhimpunan ini dihadiri oleh semua pekhidmat MAIPK dan dimulakan dengan penyampaian Sijil Persaraan dan cenderahati kepada dua orang pekhidmat MAIPK yang bersara pada bulan Februari 2012 iaitu Encik Abdul Wahid bin Nordin dan Encik Anuar bin Arifin.

Sesi perhimpunan ini diteruskan dengan ucapan daripada YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan selaku Ketua Pegawai Eksekutif, MAIPK. Dalam ucapannya, beliau menyarankan agar semua pekhidmat MAIPK dapat meningkatkan usaha menyantuni dan menghargai para pelanggan. Beliau juga mahu semua pekhidmat MAIPK dapat meningkatkan prestasi pada tahun 2012 bagi mencapai sasaran pungutan zakat dan sumber am yang telah ditetapkan. Jumlah pungutan zakat dan sumber am yang tinggi boleh menghasilkan pelbagai program dan bantuan demi masalah asnaf dan umat Islam. Di akhir ucapan beliau, beliau mengucapkan terima kasih kepada Encik Abdul Wahid bin Nordin dan Encik Anuar bin Arifin di atas bakti dan jasa yang dicurahkan sepanjang berkhidmat dengan MAIPK.

Program ini juga diisi dengan taklimat daripada pihak Takaful Ikhlas Sdn.Bhd, AMM Associates dan juga ceramah dari pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit berkenaan dengan pengurusan kewangan.

PERHIMPUNAN BULANAN MAIPK Bil. 02/2012

IpoH – Perhimpunan Bulanan MAIPK Bil. 02/2012 telah diadakan pada hari Khamis, 29 Mac 2012 di Auditorium, Tingkat 2, Bangunan Kompleks Islam Darul Ridzuan. Sebahagian besar pekhidmat MAIPK termasuk Guru Al-Quran dan mubaligh menghadiri program ini. Perhimpunan bulanan dimulakan dengan acara rasmi iaitu nyanyian lagu "Negaraku", Bacaan Doa, Ikrar serta makluman berita-berita semasa MAIPK. Seterusnya, perhimpunan diteruskan dengan ucapan dan amanat YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan selaku Ketua Pegawai Eksekutif, MAIPK. Beliau mengingatkan sidang hadirin bahawa menjadi pekhidmat MAIPK merupakan suatu penghargaan kerana MAIPK merupakan sebuah organisasi yang menjaga kebajikan umat Islam di Negeri Perak. Jika MAIPK dapat melaksanakan peranan dan tanggungjawab dengan amanah, cekap dan berkesan dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi umat Islam di Negeri Perak. Di samping itu, beliau mengharapkan pekhidmat-pekhidmat MAIPK dapat mengelakkan diri daripada terjebak dengan penyelewengan kuasa, rasuah dan masalah sosial. Natijahnya, MAIPK dapat bergerak ke arah kecemerlangan demi kejayaan ummah.

Selepas ucapan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, program ini disusuli dengan ceramah motivasi kesihatan yang disampaikan oleh Tuan Haji Ahmad bin Salleh dari Ada Global Sdn. Bhd. Pada sesi petang pula, pekhidmat MAIPK disajikan dengan ceramah yang bertajuk "5 S" yang disampaikan oleh wakil dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Perhimpunan ini berakhir lebih kurang pada pukul 4.30 petang.

MAIPK Intellektual Forum (MIF) Bil. 01/2012

IPOH – Pada tahun 2012, MAIPK menganjurkan MAIPK Intellektual Forum (MIF) pada setiap dua bulan sekali bagi memupuk dan mengasah kemahiran para pegawai MAIPK dalam menganalisis, berhujah dan menghuraikan isu-isu berkaitan zakat, hartanah dan wakaf. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberikan pendedahan dan peningkatan teknik pengucapan awam serta memberi latihan kepada pegawai dalam bidang-bidang teras berkaitan MAIPK.

MIF Bilangan 01/2012 telah diadakan pada 31hb Januari 2012 bertempat di

Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Forum ini diadili oleh juri yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Pegawai Agama dan Penolong Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan. Forum ini dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Tadbir, Bahagian Khidmat Pengurusan manakala ahli panel yang terpilih untuk membentangkan pengisian masing-masing ialah Pegawai Baitulmal Daerah Kuala Kangsar, Eksekutif Zakat (Promosi) dan Pegawai Baitulmal Daerah Teluk Intan.

Para juri memberi komen selepas pembentangan ketiga-tiga ahli panel.

Secara umumnya, setiap ahli panel dapat memberikan pengisian dan hujah dengan baik. Di samping itu, ahli-ahli panel menguasai tajuk yang ingin disampaikan kepada khalayak. Walau bagaimanapun, ahli-ahli panel dinasihatkan memberi pengisian dengan mengurangkan kebergantungan kepada teks yang disediakan. Semoga penganjuran forum ini memberi banyak kebaikan kepada para pegawai MAIPK yang sentiasa turun ke masyarakat memberikan pengisian berkaitan dengan zakat, hartanah dan wakaf.

Shah Alam – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan satu bengkel yang berkaitan dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2012 iaitu Bajet Berasaskan Outcome (BBO) pada 27 April sehingga 30 April 2012 di Shah Alam. Pekeliling tersebut dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan bagi memperkenalkan dan memberikan panduan mengenai dasar dan pelaksanaan BBO di sektor awam serta menerangkan proses strategik BBO meliputi perancangan berasaskan outcome, penyediaan bajet, pemantauan dan penilaian dan pelaporan keberhasilan. Sebelum pekeling ini dikeluarkan, MAIPk mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1988 dan Bil. 14 Tahun 1994 di mana penyediaan belanjawan tahunan MAIPk berasaskan belanjawan yang diubah suai (modified budgeting system).



BAJET berasaskan **OUTCOME** (OUTCOME BASED BUDGETING)



Bengkel tersebut dihadiri oleh sebahagian pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan. Dalam bengkel tersebut, para peserta telah diterangkan mengenai latar belakang BBO dan proses penyediaan belanjawan tahunan MAIPk bagi tahun 2013 berasaskan BBO. Prinsip reka bentuk BBO berteraskan lapan prinsip seperti berikut :

- i) Perancangan dan pembinaan bajet dilaksanakan mengikut pendekatan berasaskan program;
- ii) Peranan dan tanggungjawab Bahagian Kewangan dalam pemeriksaan bajet Majlis;
- iii) Program-program setiap Bahagian dan Unit sejajar dengan Kerangka Keberhasilan MAIPk;
- iv) Perspektif jangka sederhana dalam perancangan dan bajet;
- v) Pengukuhan pengurusan prestasi;
- vi) Pemberian kuasa kepada Pegawai Pengawal;
- vii) Insentif pencapaian Keberhasilan; dan
- viii) Pembinaan keupayaan yang berterusan.



Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) merupakan suatu organisasi yang diberi tanggungjawab untuk mengendalikan harta-harta tidak alih seperti bangunan kedai atau rumah selaras dengan hukum syarak. Harta-harta tersebut ditadbir dan diuruskan oleh MAIPk dengan disewakan kepada pihak yang berminat. Segala pendapatan yang diterima daripada harta-harta tersebut dimasukkan ke dalam akaun sumber am. Sebahagian besar harta-harta tersebut sedang disewa dan ada yang masih belum disewa. Berikut merupakan senarai bangunan kedai dan rumah yang sedang disewa dan belum disewa di sekitar kawasan Ipoh.



BANGUNAN MILIK Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Jalan Dato' Onn Jaafar

i. Sedang disewa

Bil.	No. Lot Kedai
1.	No. 71
2.	No. 71-B
3.	No. 73
4.	No. 73-B
5.	No. 73-C
6.	No. 75
7.	No. 77
8.	No. 77-A
9.	No. 77-C
10.	No. 79
11.	No. 79-A
12.	No. 79-B

ii. Belum disewa

Bil.	No. Lot Kedai
1.	No. 71-A
2.	No. 71-C
3.	No. 73-A
4.	No. 75-A
5.	No. 75-B
6.	No. 75-C
7.	No. 77-B
8.	No. 79-C

Jalan Permaisuri Bainun (Jalan Kampar)

i. Sedang disewa

Bil.	No. Lot Kedai
1.	No. 60
2.	No. 60-A
3.	No. 62
4.	No. 64
5.	No. 66-A
6.	No. 68
7.	No. 68-A
8.	No. 70
9.	No. 72
10.	No. 74

ii. Belum disewa

Bil.	No. Lot Kedai
1.	No. 62-A
2.	No. 64-A
3.	No. 70-A
4.	No. 72-A
5.	No. 74-A

Jalan Tokong

i. Sedang disewa

Bil.	No. Lot Kedai
1.	No. 53
2.	No. 53-A

Jalan Chew Boon Juan

i. Sedang disewa

Bil.	No. Lot Kedai
1.	No. 71
2.	No. 71-B
3.	No. 71-C

Jalan Tun Abdul Razak

i. Sedang disewa

Bil.	No. Lot Kedai
1.	No. 14
2.	No. 14-A
3.	No. 16
4.	No. 16-A
5.	No. 44
6.	No. 44-A

Lot 50590, Kg. Rapat Jaya (Bangunan Rumah)

i. Sedang disewa

Bil.	No. Rumah
1.	No. 1
2.	No. 2
3.	No. 3
4.	No. 4

Pihak MAIPk mengalukan kepada individu atau syarikat yang berminat untuk menyewa bangunan milik MAIPk yang masih belum disewa dengan menghubungi Bahagian Hartanah dan Pelaburan MAIPk di talian 05-2084000 atau hadir ke pejabat di Tingkat 4, Kompleks Islam Darul Ridzuan.

GAMBAR ATAS DARI KIRI

- BANGUNAN KEDAI DI JALAN DATO' ONN JAAFAR
- BANGUNAN KEDAI DI JALAN KAMPAR

GAMBAR BAWAH DARI KIRI

- BANGUNAN KEDAI DI JALAN TUN ABDUL RAZAK
- BANGUNAN KEDAI DI JALAN TOKONG
- BANGUNAN RUMAH DI KG. RAPAT JAYA



Pengenalan

Binatang-binatang ternakan ialah dianugerahkan oleh Allah SWT. kepada hamba-hambaNya dengan mempunyai pelbagai manfaat. Ianya amat penting bagi manusia kerana memberi banyak faedah seperti sebagai kenderaan, makanan, minuman dan diambil bulu serta kulitnya.

Oleh itu, Allah S.W.T. meminta pemilik binatang tersebut bersyukur atas nikmat yang dianugerahkan kepada mereka dengan mengeluarkan zakat kerana ia merupakan asas kekayaan kepada pemiliknya. Binatang-binatang yang termasuk di dalam kumpulan yang diwajibkan berzakat ialah unta, lembu, kerbau, kambing, biri-biri dan kibas.



Dalil Wajib Zakat Binatang Ternakan

Hadis Rasulullah SAW. yang bermaksud :

Dari Abu Dzar ra. berkata, aku telah datang kepada Rasulullah SAW., lalu beliau bersabda, "demi jiwaku dalam kekuasaanNya atau demi tiada Tuhan selain daripadanya, atau sebagaimana janji sumpah. Apabila seseorang memiliki unta, sapi atau kambing/biri-biri, tidak menunaikan haknya (zakat) maka pada hari kiamat nanti ia tampak lebih besar dan gemuk dari dirinya yang biasa. Ternak-ternaknya akan memijak-mijaknya dengan telapak-telapak kakinya dan menanduknya dengan tanduk-tanduknya. Setelah selesai rombongan ternakan terakhir memijaknya, maka yang pertama mengulangnya pula, itulah hukuman yang ia perolehinya".

Syarat Wajib Zakat Binatang Ternakan

- Islam
- Merdeka
- Sempurna Milik
- Cukup Haul
 - Genap satu tahun pemeliharaan
- Cukup Nisab
 - unta : 5 ekor

ZAKAT Ternakan

- lembu / kerbau : 30 ekor dan
- kambing / biri-biri / kibas : 40 ekor
- Ternakan tersebut tidak digunakan untuk bekerja
- Bebas berumput (Saaimah)
 - Dipelihara secara lepas bebas di padang rumput

Tanggungjawab Pemilik Ternakan Semasa Mengeluarkan Zakat Ternakan

- Binatang ternakan yang dikeluarkan zakat itu mestilah tidak cacat, sakit, terlalu tua yang boleh menyebabkan ia tidak dapat digunakan atau dinilai harganya kurang.
- Binatang yang dijadikan zakat hendaklah ditentukan jenisnya serta umurnya serta rupa fizikal atau keadaan pertengahan iaitu tidak terlalu baik atau sebaliknya.
- Jangan diambil zakat dari binatang ternakan yang sedang menyusukan anaknya atau hamil (mengandung).

(sambungan taksiran zakat ternakan pada edisi akan datang)



Orang Besar Jajahan Hulu Perak memberikan ucapan kepada penerima-penerima bantuan



Orang Besar Jajahan Hulu Perak menyampaikan bantuan kepada salah seorang mangsa banjir

Majlis Penyampaian Bantuan Bencana Alam DAERAH HULU PERAK

Gerik – Banjir kilat telah melanda tujuh buah kampung di Mukim Kenering dan Mukim Gerik yang melibatkan 268 buah rumah pada 09 Mac 2012. Kejadian ini berlaku akibat hujan lebat yang berterusan melanda kawasan-kawasan tersebut. Bencana alam yang berlaku ini banyak merosakkan harta benda kepunyaan penduduk kampung.

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) melalui pentadbiran Daerah Gerik dan Lenggong telah mengambil langkah proaktif bagi meringankan beban yang ditanggung oleh penduduk

kampung dengan memberi sumbangan RM200.00 bagi setiap rumah yang terlibat. Bantuan yang diberikan berjumlah RM53,600.00.

Satu majlis penyampaian bantuan tersebut telah diadakan pada 21 Mac 2012 di salah sebuah rumah mangsa banjir kilat dalam Mukim Gerik. Penyampaian bantuan banjir daripada pihak MAIPk telah disempurnakan oleh Orang Besar Jajahan Hulu Perak, YDH. Toh Muda Seri Bijaya Lt. Kol. (B) Dato' Shahrudin bin Haji Nazari. Turut hadir ke majlis tersebut ialah YB. Adun Kenering, YDH. Toh Shahbandar Ulu Dato' Mohd. Tarmizi bin Haji Idris.

Persaraan Pekhidmat MAIPk

Ipoh – Pada 31 Januari 2012 telah diadakan satu majlis bagi meraikan persaraan dua pekhidmat MAIPk pada bulan Februari 2012. Majlis ini diadakan bersempena dengan program Perhimpunan Bulanan MAIPk Bil. 01/2012. Dua pekhidmat MAIPk yang bersara pada bulan Februari 2012 ialah **Encik Abdul Wahid bin Nordin** dan **Encik Anuar bin Arifin**.

Encik Abdul Wahid bin Nordin dilahirkan di Slim Village, Slim River pada 11 Februari 1959. Beliau terlibat dalam perkhidmatan awam selama 35 tahun. Beliau memulakan perkhidmatannya di Kementerian Kesihatan, Petaling Jaya dan Pejabat Kadi, Slim River sebelum meneruskan perkhidmatannya di MAIPk pada tahun 1987. Di MAIPk, beliau memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Kerani Rendah dan bersara sebagai Pembantu Tadbir N17 pada 12 Februari 2012. Sepanjang perkhidmatannya,

beliau telah dianugerahkan dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2004.

Encik Anuar bin Arifin memulakan perkhidmatannya di dalam sektor awam pada tahun 1976 sebagai Pelayan Pejabat di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (C) Slim River. Pada tahun 1987, beliau meneruskan perkhidmatannya di MAIPk sebagai Pegawai Kerani Rendah. Beliau bersara pada 26 Februari 2012 dengan jawatan sebagai Pembantu Tadbir W17 di MAIPk. Berdasarkan pengalaman dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh beliau, beliau telah dianugerahkan dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang oleh MAIPk pada tahun 2005.

Seluruh warga MAIPk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Abdul Wahid bin Nordin dan Encik Anuar bin Arifin di atas segala bakti dan jasa yang dicurahkan ketika berkhidmat



ENCIK ANUAR BIN ARIFIN

ENCIK ABDUL WAHID BIN NORDIN

dengan MAIPk. Diharapkan agar segala bakti dan jasa diterima sebagai ganjaran disisi Allah SWT.

Dukacita dimaklumkan bahawa En. Abdul Wahid bin Nordin telah kembali ke rahmatullah pada 14 Jun 2012. Didoakan semoga beliau ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. Al-Fatihah.

Perbezaan **SEDEKAH** dan **ZAKAT**

Sering kali masyarakat pada hari ini terkeliru antara konsep sedekah dan zakat. Istilah sedekah dan zakat mempunyai kaitan antara satu sama lain, tetapi sebenarnya mempunyai banyak perbezaan yang perlu diketahui. Berikut merupakan perbezaan konsep sedekah dan zakat.

	SEDEKAH	ZAKAT
DEFINISI	<p>Bahasa :</p> <ul style="list-style-type: none"> Sedekah daripada segi bahasa ialah pemberian yang disunatkan <p>Istilah :</p> <ul style="list-style-type: none"> Pemberian seseorang secara ikhlas, kepada yang berhak menerimanya yang diiringi oleh pemberian pahala dari Allah. 	<p>Bahasa :</p> <ul style="list-style-type: none"> Zakat daripada segi bahasa bererti "BERSIH", "SUCI", "SUBUR", "BERKAT" dan "BERKEMBANG" Pengertian "BERSIH" dan "SUCI" dalam istilah zakat ialah membersihkan harta dan membersihkan diri orang kaya daripada bersifat kedekut dan bakhil. <p>Istilah :</p> <ul style="list-style-type: none"> Zakat dari segi syarak pula ialah mengeluarkan sebahagian harta tertentu diberikan kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak
HUKUM	Satu amal jariah yang hukumnya sunat. (Merupakan salah satu daripada sunnah Rasulullah)	Hukumnya wajib. (Merupakan salah satu daripada Rukun Islam)
JENIS	Segala jenis perbuatan baik adalah sedekah.	Zakat mempunyai dua jenis iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat harta terbahagi kepada zakat wang simpanan, perniagaan, saham, emas dan perak, tanaman, ternakan, harta rikaz dan wang yang disimpan dalam Kumpulan Wang Simpanan Persaraan dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera.
PENERIMA	<p>Tidak mempunyai penerima yang tertentu. (Kepada sesiapa sahaja termasuk haiwan)</p> <p>Sebagai contoh :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Orang dalam tanggungan kita 2) Orang miskin 3) Kaum keluarga 4) Ibu tunggal 5) Anak yatim 6) Orang bukan Islam yang tidak memerangi Islam 7) Haiwan 	<p>Mempunyai penerima yang telah ditentukan oleh Al-Quran pada ayat 60, Surah At-Taubah, iaitu 8 asnaf zakat seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Fakir • Miskin • Amil • Muallaf • Riqab • Ghorimin • Fisabilillah • Ibnu Sabil
MASA	Pada bila-bila masa sahaja boleh melakukan sedekah	<p>Zakat Fitrah : Masanya terhad. – Bermula dari awal Ramadhan sehinggalah sebelum solat sunat hari raya Aidilfitri.</p> <p>Zakat Harta : Apabila telah cukup haul dan nisab, wajib dikeluarkan zakat mengikut jumlah yang telah ditentukan oleh Al-Quran dan As-Sunnah.</p>

Jawatankuasa

BAITULMAL PERTENGAHAN dan DAERAH Tahun 2012

Pada keluaran Wadah MAIPK yang lalu telah dijelaskan fungsi dan peranan Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi. Untuk edisi kali ini dijelaskan fungsi dan peranan Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan dan Daerah.

Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan dipengerusikan oleh Ketua Penolong Setiausaha MAIPK serta dianggotai oleh ahli-ahli yang lain yang menggabungkan Ahli MAIPK dan para pegawai kerajaan di kalangan kakitangan MAIPK, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak.

Bidang tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini ialah menimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat yang melibatkan kes baru di bawah kategori asnaf Fakir, Miskin, Ghorimin, Ibnu Sabil dan Fisabilillah dan tidak termasuk mendengar dan memutuskan kes-kes rayuan permohonan bantuan. Selain perbelanjaan di bawah peruntukan zakat, jawatankuasa ini juga bertanggungjawab meluluskan perbelanjaan di bawah peruntukan sumber am Baitulmal. Perbelanjaan yang dibenarkan untuk jawatankuasa ini tidak melebihi RM10,000.00. Berikut merupakan senarai nama anggota Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan :

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Encik Mohd Haidi bin Sulaiman <i>Ketua Penolong Setiausaha, MAIPK</i>	Pengerusi
2.	Dato' Haji Mohd Yusop bin Hussin <i>Pengarah Jabatan Agama Islam Perak</i>	Ahli
3.	Ustaz Harith Fadzilah bin Haji Abdul Halim <i>Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak</i>	Ahli
4.	Tuan Mohd Rahim bin Abdullah <i>Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuala Kangsar</i>	Ahli
5.	Tuan Haji Mohd Nasar bin Kurdi <i>Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak</i>	Ahli
6.	Encik Rohizan bin Omar <i>Penolong Setiausaha Bahagian Hartanah, MAIPK</i>	Ahli
7.	Encik Ariff bin Apandi <i>Akauntan, MAIPK</i>	Ahli
8.	Ustaz Bakri bin Lee <i>Penolong Setiausaha, Bahagian Zakat, MAIPK</i>	Setiausaha

Bagi Jawatankuasa Baitulmal Daerah, ia dipengerusikan oleh Orang Besar Jajahan bersama dengan Pegawai Daerah. Keanggotaan jawatankuasa ini secara puratanya antara empat hingga enam orang ahli melibatkan pegawai kerajaan di daerah yang berkaitan.

Bidang tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini antaranya ialah menimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat yang melibatkan Skim Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Sekaligus Ramadhan, Bantuan Persekolahan dan Bantuan Perubatan di bawah asnaf Fakir dan Miskin, Skim Bantuan Kewangan Bulanan di bawah asnaf Muallaf, Skim Tambang Perjalanan

Domestik di bawah asnaf Ibnu Sabil, Skim Bantuan Bencana, Bantuan Kebajikan Anak Yatim dan Skim Sumbangan Kebajikan Pasukan Keselamatan di bawah asnaf Fisabilillah. Perbelanjaan yang dibenarkan untuk jawatankuasa ini tidak melebihi RM5,000.00. Berikut merupakan senarai nama Pengerusi dan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Baitulmal Daerah.

Nama Pengerusi dan Pengerusi Bersama	Daerah
YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Wan Fadzir bin Wan Hussain	Kuala Kangsar
YBrs. Tuan Haji Zulkafli B. Mohamed	
YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Wan Fadzir bin Wan Hussain	Taiping dan Selama
YBhg. Dato' Harun Bin Rawi	
YDH. Toh Muda Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Dato' Haji Meor Redwan Bin Mahayudin	Kerian
YBrs. En. Kamaruddin Bin Awang	
YABhg. Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Dato' Seri Mohd. Amin Shukeri bin Dato' Ali Akbar	Teluk Intan
YBrs. Encik Ahmad Zainudin bin Yeop Shamsudin	
YDH. Toh Seri Bijaya Leftanen Kol. (B) Dato' Shaharudin B. Haji Nazari	Pengkalan Hulu, Gerik dan Lenggong
YBrs. En. Tahir Bin Osman	
YABhg. Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Seri Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan	Ipoh dan Batu Gajah
YBhg. Dato' Jamry bin Sury	
YABhg. Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja Dato' Seri Yeop Junior bin Haji Yeop Adlan	Slim River dan Tapah
YBrs. Tuan Haji Razali Bin Bakar	
YABhg. Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja Dato' Seri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Abd. Rahman	Seri Iskandar dan Kg. Gajah
YBrs. Tuan Haji Mohd Roslan Bin Mat Lodin	
YDH. Toh Paduka Indera Dato' Haji Zubairi bin Tajuddin	Kampar
YBhg. Dato' Ismail bin Hassan	
YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan	Manjung
YBrs. Tuan Haji Zamari Bin Mohd Ramli	